PERMAINAN WAU

Permainan ini diketahui telah dimainkan sejak zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah di Melaka sekitar abad ke 15. Sehingga kini, pemainan wau masih digemari oleh masyarakat khususnya penduduk di Kelantan. Musim bermain wau biasanya selepas menuai padi. Daun kayu yang lebar dan ringan dipercayai digunakan untuk membuat wau sehinggalah penggunaan kertas nipis yang berwarna warni di gunakan. Daun kayu yang lebar dan ringan itu diikatkan pada rangka diperbuat dari buluh.

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis wau seperti Wau Bulan, Wau Kucing, Wau Ikan dan Wau Puyuh. Di bahagian atas Wau lazimnya dilengkapkan dengan 'Busur' diperbuat daripada buluh dan benang bagi tujuan mengeluarkan bunyi dengung ketika melayang di langit. Wau dimainkan bukan sahaja untuk hiburan tetapi juga dipertandingankan. Adalah menjadi satu syarat utama setiap wau yang hendak bertanding mestilah terdiri daripada jenis dan ukuran yang lebih kurang sama. Markah akan dipertimbangkan dari segi kecantikan, bentuk, hiasan, suara dengung dan tinggi naiknya secara teliti oleh para hakim

.

WAU / KITE

Wau or kite flying is known to have been a traditional pastime since during the reign of Sultan Mahmud Shah of Melaka in the 15th Century. Kite flying is still a popular game up to today especially among the people of Kelantan. Kite flying season usually begins after the harvest season. Traditionally large light leaves were thought to be used before the advent of thin coloured paper. The leaves were stretched over a bamboo frame.

Malaysia is home to a large variety of kites such as Wau Bulan (Moon Kite), Wau Kucing (Cat Kite), Wau Ikan (Fish Kite) and Wau Puyuh (Quail Kite). A 'buzzing stick' shaped from bamboo is usually attached to the top of the kite to produce a vibrating hum as the kite flies in the air. Apart from being a leisure activity, kite flying is also a competitive sport. It is a requirement that kites entered for a given competition must be of the same design and approximate size. Points are awarded based on overall beauty, shape, embellishments, the hum produced and the height it attains in flight.





JENIS-JENIS WAU

Sumber google

WAU KAPAL

Tekanan angin merupakan faktor yang paling penting bagi menaikkan wau. Apabila tekanan angin di permukaan wau semakin kuat, maka kemampuan wau untuk naik lebih tinggi semakin meningkat. Daya tarikan graviti ialah daya yang menarik wau ke bawah manakala daya seretan pula adalah daya yang membawa wau mengundur ke belakang seterusnya memberikan tekanan yang tinggi pada permukaan wau untuk naik ke udara. Bagi menaikkan Wau kapal terdapat dua cara yang digunakan, iaitu pelancaran jarak dekat dan jarak jauh.

Wau Kapal adalah antara wau yang paling ringan serta mudah untuk dilancarkan dan sesuai untuk pelancaran jarak dekat. Bermain Wau Kapal kadangkala hanya memerlukan seorang pemain, menaikkan wau jarak dekat memerlukan angin yang kuat dan pemain perlu berdiri membelakangkan angin. Sebelah tangan pemain akan memegang badan wau dan dihadapkan ke arah angin, manakala sebelah lagi tangan memegang gelung tali dan wau akan dilepaskan perlahan-lahan sehingga wau naik tinggi ke udara. Teknik pelancaran jarak dekat ini tidak digunakan semasa pertandingan.

Bagi pelancaran jarak jauh pula adalah sesuai untuk wau yang besar dan berat seperti wau bulan. Walaupun Wau kapal amat ringan dan boleh dilancarkan secara jarak dekat, ia juga boleh dilancarkan secara jarak jauh dan kebiasaanya teknik ini dimainkan untuk tujuan pertandingan. Teknik pelancaran jarak jauh memerlukan dua orang, iaitu tukang anjung dan pemain. Tukang anjung ialah pembantu yang akan memegang badan wau dan menghadap arah lawan angin, manakala pemain pula akan berdiri memegang tali menghadap arah angin. Semasa tukang anjung melepaskan wau, pemain akan menarik tali wau sehingga wau naik tinggi ke udara.







WAU KAPAL

Wind pressure is one of the main factors in launching a kite. As the wind pressure on the kite's surface becomes more substantial, the ability of the kite to rise higher increases. Gravitational force is the force that pulls the kite down, while the drag force is the force that brings the kite backwards and then puts increased pressure on the surface of the kite to rise into the air. Two methods are used to launch the *Wau Kapal* that is short-range and long-range.

Short-range launches for *Wau Kapal* are among the lightest and easiest kites to launch. Playing *Wau Kapal* sometimes requires one player. Launching a kite at close range requires strong winds, and players have to stand behind the wind. One hand of the player will hold the kite's body and face it towards the wind. The player's other hand holds the loop of rope, and the kite slowly releases it until the kite rises high into the air. This close-range launch technique was not used during the competition.

It is suitable for long-distance launching for large and heavy kites. Although the *Wau Kapal* is very light, it can also be launched at close range and long-range. Usually, the technique of long-range has been used for competition purposes. The long-distance launch technique requires two people: *Tukang Anjung* and the player. *Tukang Anjung* is the assistant who will hold the kite's body and face the wind, while the player will stand holding the rope facing the wind. When *Tukang Anjung* releases the kite, the player will pull the kite rope until the kite rises high into the air.







